

UMS anjur

Hari Bertemu Pelanggan

Oleh Azri Onn Othman
bhvarsiti@bharian.com.my

PENGANJURAN program Hari Bertemu Pelanggan 2011 Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) selama tiga hari baru-baru ini berjaya mendekatkan pengurusan universiti dengan mahasiswa dan masyarakat setempat.

Sebanyak 12 kaunter dibuka sepanjang program berlangsung iaitu Pejabat Bahagian Pentadbiran, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Bahagian Pembangunan dan Penyelenggaraan, Bahagian Kewangan, Bahagian Perpustakaan, Bahagian Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar serta Bahagian Sukan.

Kaunter lain ialah Sekolah Sains Informatik Labuan, Pejabat Hal Ehwal Antarabangsa, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Perkhidmatan Akademik, Bahagian Keselamatan dan Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid yang berperanan menerangkan fungsi dan perkhidmatan masing-masing



DR SHARIFF (tengah bersongkok) bergambar kenangan bersama Jawatankuasa Penganjur Hari Bertemu Pelanggan UMS-KAL 2011.

di ruang legar Bangunan Menara UMS-KAL.

Majlis perasmian program disempurnakan Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang di Dewan Theatre. Turut diadakan sesi dialog bersama mahasiswa dan

pensyarah, penyampaian hadiah Amalan 5S kepada Bahagian Akademik selaku johan, Bahagian Pentadbiran, naib johan dan Pejabat Kolej Beta (ketiga).

Berucap pada majlis itu, Dr Shariff berkata, program bertujuan memberi peluang kepada

pelanggan khususnya mahasiswa dan kakitangan menyampaikan kritikan secara membina melalui saluran yang betul.

"Program Hari Bertemu Pelanggan adalah satu wadah untuk mendengar dan menyelesaikan masalah yang wujud demi

merealisasikan matlamat ke arah sebuah universiti yang disegani bukan saja di negara ini malahan di arena antarabangsa.

"Setiap bahagian atau jabatan perlu memanfaatkan pengisian program ini dengan turun pa-dang menerang dan menjelaskan

fungsi dan peranan masing-masing sekali gus kefahaman warga UMS-KAL khususnya mahasiswa, katanya.

Tetamu yang ialah turut hadir Timbalan Pendaftar, Kamisah Husin; Timbalan Dekan SPKAL, Dr Lim Kian Ping; Timbalan Dekan SSIL, Yuzren Yusak dan Pengerusi Penganjur, Muhajirah Muchlish serta Ketua-ketua Bahagian.

Program Hari Bertemu Pelanggan itu diadakan dua kali setahun iaitu setiap semester kerana ia memberi banyak manfaat misalnya memperbaiki mutu perkhidmatan yang sedia ada seperti mana yang dibawa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melalui pelan tranformasi kerajaan yang dilancarkan pada tahun lalu.

Selain perkhidmatan kaunter bertemu pelanggan yang dibuka dari pukul 9.00 pagi hingga 4.30 petang, program itu diisi dengan sesi ceramah termasuk slot perpustakaan oleh Timbalan Ketua Perpustakaan Kanan UMS, Haji Zawawi Tiyunin, slot kewangan oleh Pensyarah SPKAL, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, slot Pentadbiran oleh Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Supriyanto Mohamed Noor dan slot HEPA oleh Penolong Pendaftar Kanan HEPA, Norhanizah Adnan.